



**PTS Media Group Sdn. Bhd.** (173482-A)  
[pts.com.my](http://pts.com.my)

No. 12, Jalan DBP,  
Dolomite Business Park,  
68100 Batu Caves,  
Selangor, MALAYSIA  
**Tel : +603-6188 0316**  
**Faks : +603-6189 1316**

### **KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT**

#### **BUKU 40 KISAH YANG MEMBUAT NABI KETAWA BERDASARKAN HADITH SAHIH**

PTS Publishing House menerbitkan sebuah buku genre agama yang berjudul 40 Kisah Yang Membuat Nabi Ketawa Berdasarkan Hadith Sahih. Kelainan buku ini adalah di bahagian pengenalan, pembaca didedahkan dengan makna-makna bagi beberapa istilah Bahasa Arab seperti istilah *al-khabar* yang bermaksud berita. Tambahan pula, turut diselitkan topik sunnah dari sudut pandang ahli hadith.

Kisah-kisah yang dimuatkan dalam buku ini juga disusun dengan menarik. Setiap kisah akan dimulakan dengan hadith yang menceritakan kisah itu. Seterusnya, isu daripada kisah itu akan dibincangkan selanjutnya. Misalnya, kisah 1 mengenai *Ucapan Seorang Lelaki Miskin Yang Bersama Isterinya Di Siang Bulan Ramadhan*. Kisah ini dilampirkan bersama hadith dan kupasan isu kafarah yang berkaitan dengan hadith tersebut secara lebih mendalam.

Buku ini bukan sahaja memaparkan kisah-kisah nabi daripada hadith, malah, turut menjawab persoalan hukum-hukum agama. Antara 5 kisah yang terkandung dalam buku ini adalah:

- Sekumpulan Sahabat Yang Ingin Berjuang
- Ucapan Umar Terhadap Kata-Kata Ummu Salamah
- Pendeta Yahudi Yang Menceritakan Kebesaran Allah
- Nabi Tersenyum Lalu Tertawa Ketika Menemui Umatnya Sewaktu Solat Subuh Di Hari Akhir Hayat Baginda s.a.w.
- Permohonan Para Sahabat

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Publicist

PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: [awatif@pts.com.my](mailto:awatif@pts.com.my)